

**TITAH
TUANKU CANSELOR
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**MAJLIS KONVOKESYEN KETUJUH
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM SULTAN AZLAN SHAH (KUISAS)**

**TARIKH: 18 DISEMBER 2014 (KHAMIS); JAM: 10.00 PAGI
TEMPAT: KAMPUS KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
SULTAN AZLAN SHAH
KUALA KANGSAR.**

Bismillahi Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

2. Dalam *Surah Hud* ayat 118 dan 119, ALLAH Subhanahu Wata'ala berfirman, maksudnya:

"Dan kalaullah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus menerus berselisihan.

Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama ALLAH); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah ALLAH menjadikan manusia....."¹

3. ALLAH Subhanahu Wata'ala Maha Pencipta. ALLAH Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui atas musilahat dan matlamat di sebalik sesuatu penciptaan Nya. Umat manusia telah diciptakan dengan segala kepelbagaiannya. Umat manusia sewajibnya berupaya mentafsir secara bijak apa yang tersirat di sebalik yang tersurat agar berjaya memahami dan menghayati kalam ILAHI yang terkandung dalam *Surah Hud* tersebut begitu juga dengan kalam ILAHI yang terkandung dalam *Surah Al-Hujuraat* ayat 13, bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi ALLAH ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)...."²

4. Ayat 13 *Surah Al-Hujuraat* bermula dengan seruan 'WAHAI MANUSIA' merupakan seruan peringatan ILAHI yang ditujukan kepada seluruh umat manusia, merangkumi umat Islam dan bukan Islam. ALLAH Subhanahu Wata'ala menyeru agar manusia yang berbangsa dan bersuku puak, saling berkenalan dan beramah mesra di antara satu dengan lain dan ALLAH melarang manusia daripada bersengketa dan bermusuhan.

5. ALLAH Subhanahu Wata'ala mengurniakan umat manusia akal untuk berfikir; untuk itu berfikirlah secara bijak. Manusia yang bijaksana akan mentafsir ciptaan ILAHI yang pelbagai itu sebagai aset berharga. Kepelbagaiannya mengizinkan berlakunya kelainan pandangan dan pendapat. Kelainan pandangan dan pendapat membenarkan berlangsungnya percambahan pemikiran hingga membolehkan tercetusnya kelahiran idea bernalas dan penemuan baru untuk manfaat manusia sejagat. Amatlah malang kepada tamadun sesuatu bangsa, amatlah malang kepada peradaban manusia sejagat jika kelainan dan perbezaan dilihat dari lensa negatif yang sarat dengan buruk sangka. Sikap negatif sedemikian akan hanya merosakkan hubungan harmoni sesama manusia dan semestinya akan menjelaskan paksi keseimbangan atau *the axis of equilibrium* dalam hubungan antara kaum dan hubungan antara agama.

6. Kelainan pendapat dan pandangan hendaklah diuruskan secara positif – secara konstruktif, disediakan platform konsultasi – disediakan forum perundingan untuk menerokai titik pertemuan di samping menghormati sempadan perbezaan. Islam mengharuskan dan membolehkan berlakunya kelainan pendapat dan pandangan hingga terbentuknya empat mazhab utama. Perdebatan secara konstruktif, amalan konsultasi dan perundingan berlaku pada era Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam, diteruskan oleh para sahabat dan dilanjutkan oleh ulama tersohor. Amalan konsultasi dan perundingan telah membina budaya dan tata cara urus tadbir yang *inclusive* serta *participative*, memungkinkan Islam mudah diterima dan senang difahami hingga terbinanya era keagungan Islam.

¹ Al-Quran: Surah Hud (11:118-119)

² Al-Quran: Surah Al-Hujuraat (49:13)

7. Di dalam buku *Adabul Ikhtilaf* dinukilkkan perselisihan pendapat yang berlaku di antara sepupu Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam, Abdullah bin Abbas dengan Zaid bin Thabit mengenai isu perwarisan harta. Ibnu Abbas begitu yakin dengan hujah beliau hingga ke peringkat mencabar Zaid untuk berdebat secara terbuka di hadapan Kaabah. Namun perselisihan di antara mereka berdua tidak sampai ke tahap memutuskan tali persaudaraan dan menamatkan hubungan persahabatan.

8. Di riwayatkan di dalam buku *Hayatus Sahabah* Ibnu Abbas telah memuliakan Zahid dengan membantu menarik tali ketika melihat Zaid sedang menaiki tunggangannya hingga Zaid berkata, "Wahai sepupu Rasulullah, lepaskan tali itu". Kata-kata Zaid itu telah dijawab oleh Ibnu Abbas dengan mengatakan, "*Inilah cara dan adab untuk memuliakan orang terpelajar*". Zaid lalu meminta Ibnu Abas untuk menghulurkan tangan dan Zaid mencium tangan Ibnu Abas dengan menyatakan "*Inilah cara yang dianjurkan untuk memuliakan keluarga Nabi Sallallahu alai Wassalam*". Keakraban hubungan mereka turut diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi tatkala Zaid bin Thabit wafat; Ibnu Abbas telah berkata, "Wahai manusia, barang siapa yang ingin mengetahui bagaimakah cara ilmu itu meninggalkan kita, dia harus mengetahui seperti mana Zahid meninggalkan kita. Sejumlah ilmu pengetahuan baru sahaja pergi meninggalkan kita (dengan kematianya)".

9. Demikian terserlah kemurnian sifat di kalangan ulama pada era silam; berhujah atas asas ilmu, menerima perbezaan tafsiran dan kelainan pandangan namun mengekalkan hubungan silurahim; pada masa yang sama tetap bersifat merendah diri di samping memuliakan taraf ketinggian ilmu ulama-ulama lain. Sifat-sifat ulama pada zaman silam yang kaya menguasai khazanah ilmu, bersifat zuhud lagi merendah diri, berfikiran terbuka menerima perbezaan, sabar lagi teliti sebelum menjatuhkan hukum adalah sifat-sifat yang berperanan besar melukiskan keindahan Islam sebagai agama yang memiliki wajah yang mulia, sederhana, adil lagi saksama.

10. Keindahan bermasyarakat akan tercapai apabila ulama-ulama tersohor dan umat Islam berjaya meraikan perbezaan dan memahami kepelbagaian tuntutan dengan semangat berunding dalam suasana yang harmonis. Umat manusia wajib dididik untuk bersedia mengamalkan prinsip '*bersetuju untuk tidak bersetuju*' atau '*agree to disagree*' agar tidak wujud pemikiran autoritarian dan totalitari yang merasakan dirinya betul semua dan pihak lain salah semua. Insaflah! umat manusia tidak sempurna sifatnya; insaflah! umat manusia memiliki pelbagai kekurangan, insaflah! kesempurnaan itu hanya milik ALLAH. Oleh itu umat manusia hendaklah menerima sifat ketidaksempurnaannya dan bersedia untuk ditegur - bersedia untuk belajar dan terus belajar, bersedia untuk membentulkan kesilapan, agar terbimbing menjadi sebaik-baik khalifah ketika memenuhi amanah di bumi milik ILAHI ini.

11. Saudara saudari telah melalui alam ilmu di kampus KUISAS. Alam ilmu yang saudara saudari tempuh hampir homo genus suasannya. Alam di luar kampus amat berbeza. Hakikat kepelbagaian agama, kaum, budaya dan bahasa di negara ini wajib difahami. Hakikat tersebut adalah juga realiti yang telah diciptakan oleh ILAHI di dunia ini. Kesediaan saudara saudari menerima hakikat kepelbagaian ini akan menentukan dan mempengaruhi penerimaan warga dunia terhadap saudara saudari. Jika saudara saudari memilih berfikiran tertutup saudara saudari dengan sendirinya telah menutup pintu dan jendela dan telah menghalang minda saudara saudari daripada dapat mengembara melihat realiti dunia yang lebih luas; di samping saudara saudari turut menutup pintu dan jendela daripada boleh ditandangi oleh warga dunia untuk mereka dapat mengenali dan memahami saudara saudari secara lebih rapat.

12. KUISAS wajib menyedari bahawa iklim ilmunya yang homo genus. Untuk itu KUISAS mempunyai cabaran yang lebih besar untuk mengasuh dan membimbing warga KUISAS agar memiliki minda terbuka kepada realiti dunia yang dihuni oleh pelbagai umat manusia. KUISAS wajib melahirkan barisan graduan yang bersifat terbuka, barisan graduan yang bersedia menerima kepelbagaian perbezaan, barisan graduan yang memiliki kemahiran untuk mengurus perbezaan dan barisan graduan yang berjaya melakukan penyatuan dalam kepelbagaian.

13. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada setiap graduan yang telah mencapai kejayaan. Setiap kejayaan adalah anugerah dari ILAHI. Bersyukurlah kepada ILAHI dengan azam dan tekad untuk senantiasa memenuhi perintah ILAHI, melakukan amal makruf - menjauhi segala kemungkaran. Berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan ahli keluarga yang telah banyak berkorban dan mendoakan kejayaan saudara saudari, hargailah jasa para guru yang telah melaksanakan amanah secara komited lagi berdedikasi; jadikan diri sebagai hamba yang bersyukur akan nikmat, anak yang soleh kepada kedua-dua ibu bapa, murid yang senantiasa mendoakan kesejahteraan para gurunya dan warga yang setia kepada Raja dan Negara. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala menunjukkan kita ke jalan yang lurus, *IHD/NAS SIRATUL MUSTAQIM*.

Wabillahi taufik, walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.